



## جابتن مفتي نخري فهغ

قوله تعالى:  
فَسَأَلُوا أَهْلَ الذِّكْرِ إِنْ كُنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ

### Soalan :

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Saya Mardhiatul Syuhada binti Mustapa ingin mengajukan dua soalan:

- 1) Apakah hukum sekiranya kita bekerja sebagai pemandu lori untuk sebuah “supermarket” dan ada sebahagian barangan yang kita bawa adalah barangan/makanan yang tidak halal seperti arak?
- 2) Bagaimana dengan gaji yang kita peroleh dari pekerjaan pemandu lori tersebut, ianya dikira halal atau haram untuk digunakan?

وعليكم السلام ورحمة الله وبركاته

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT, selawat dan salam atas Nabi besar junjungan kita Nabi Muhammad SAW beserta keluarga dan sahabatnya serta mereka yang mengikuti segala sunnah Nabi Muhammad SAW sehingga ke hari kiamat. Terima kasih kepada puan di atas soalan yang telah diajukan kepada kami.

### Soalan:

1) Apakah hukum sekiranya kita bekerja sebagai **pemandu lori** untuk sebuah “supermarket” dan ada **sebahagian barangan yang kita bawa** adalah barangan/makanan yang **tidak halal** seperti **arak**?

### Jawapan:

Secara asasnya hukum pekerjaan yang berkaitan dengan arak adalah **haram** sepertimana dalam Hadith yang diriwayatkan oleh Anas bin Malik RA, Nabi Muhammad SAW bersabda:

لَعَنَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي الْخَمْرِ عَشْرَةَ : عَاصِرَهَا وَمُعْتَصِرَهَا وَشَارِبَهَا وَحَامِلَهَا وَالْمَحْمُولَةَ إِلَيْهِ وَسَاقِيَهَا وَبَائِعَهَا وَأَكَلَ ثَمَنِهَا وَالْمُشْتَرِيَ لَهَا وَالْمُشْتَرَاةَ لَهُ

**Maksudnya:** "Rasulullah SAW melaknat dalam isu arak ini 10 golongan: "Pemerah (anggur untuk arak), orang yang minta diperahkan, peminumnya, **pembawanya**, orang yang meminta bawa kepadanya, orang yang menuangkan arak, penjualnya, orang yang makan hasil jualannya, orang yang membelinya dan orang yang meminta dibelikan untuknya."

(Sunan Tirmizi)

Hadith ini merupakan dalil yang jelas menyatakan bahawa kita perlu menjauhi dan melibatkan diri daripada perkara yang melibatkan arak dari asal pembuatannya sehinggalah kepada pembelinya.

Namun perlu melihat kepada beberapa keadaan dan situasi . Antaranya ialah:

- 1) Mengetahui secara **jelas** barang yang kita bawa itu adalah arak, maka **haram** hukumnya disisi jumhur ulama'.
- 2) Bagi barangan yang **bercampur antara halal dan haram adalah makruh jika tidak dapat bezakan halal dan haram**. Manakala jika mengetahui ada percampuran halal dan haram, maka hendaklah dibersihkan dan diasingkan mengikut pada keadaan yang kuat atau mampu. Ini berdasarkan kepada hadis Nabi SAW:

إِنَّ الْحَلَالَ بَيِّنٌ وَإِنَّ الْحَرَامَ بَيِّنٌ وَبَيْنَهُمَا أُمُورٌ مُشْتَبِهَاتٌ لَا يَعْلَمُهُنَّ كَثِيرٌ مِنَ النَّاسِ

Maksudnya: “Sesungguhnya yang halal itu jelas dan yang haram itu pun jelas dan di antara kedua-duanya terdapat perkara-perkara yang syubhat, ramai dari kalangan manusia tidak mengetahuinya”.

- 3) Barangan yang **tidak diketahui status halal**, maka **tidak dikira sebagai dosa dan boleh menghantar barang tersebut**.

Berdasarkan kepada tiga situasi di atas, **jelaslah bahawa situasi yang puan maksudkan adalah berdasarkan kepada keadaan yang pertama** iaitu mengetahui secara **jelas** barang yang kita bawa itu adalah arak, maka **haram** hukumnya disisi jumbuh ulama’. Justeru, jabatan ini mencadangkan supaya berbincang dengan majikan untuk tidak terlibat dengan aktiviti yang berkaitan dengan arak.

#### **Soalan:**

- 2) Bagaimana dengan **gaji** yang kita **peroleh** dari pekerjaan pemandu lori tersebut, ianya **dikira halal atau haram** untuk digunakan?

Gaji yang diperolehi adalah **haram** kerana terlibat secara langsung dengan arak. Dalam Kitab *Mausuah al Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah*, Islam melarang seseorang individu terlibat dalam satu bidang pekerjaan yang ada **unsur maksiat dan pelanggaran terhadap hukum Allah SWT**.

Sebagai umat Islam kita wajib menjauhi segala aktiviti yang berkaitan dengan arak. Sebagaimana Firman Allah SWT dalam surah al-Maidah ayat 90 yang memerintahkan bahawa:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِنَّمَا الْخَمْرُ وَالْمَيْسِرُ وَالْأَنْصَابُ وَالْأَزْلَامُ رِجْسٌ مِّنْ عَمَلِ  
الشَّيْطَانِ فَاجْتَنِبُوهُ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman! Sesungguhnya minuman keras, berjudi,berhala, dan mengundi nasib dengan anak panah, adalah perbuatan keji dan termasuk perbuatan syaitan. Maka jauhilah (perbuatan-perbuatan) itu agar kamu berjaya”.

Dalam kaedah fiqh ada juga menyatakan bahawa:

## كُلُّ مَا أَدَّى إِلَى الْحَرَامِ فَهُوَ حَرَامٌ

Maksudnya: “Setiap perkara yang membawa kepada perkara yang haram maka ia adalah haram(hukumnya)

Berdasarkan kepada kaedah ini, membantu dalam perkara yang haram adalah dikira sebagai berdosa besar. Ini dikuatkan lagi dengan Firman Allah SWT dalam surah Al-Maidah ayat 2:

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ

Maksudnya: *Dan tolong-menolonglah kamu dalam (mengerjakan) kebajikan dan takwa, dan jangan tolong-menolong dalam berbuat dosa dan permusuhan. Bertakwalah kepada Allah, sungguh, Allah sangat berat siksaan-Nya.*

Justeru, jabatan ini menyarankan bahawa berusaha sebaik mungkin untuk mencari pekerjaan yang halal dan tiada sebarang syubhah. Kita sebagai Muslim dinasihatkan untuk memilih pekerjaan yang tidak mengandungi unsur-unsur syubhah atau sebarang keraguan.

Semoga Allah SWT memberikan kefahaman yang jelas kepada kita dalam memahami agama Islam dan mengamalkannya. Amin Ya Rabbal Alamin.

Sekian, terima kasih.

Rujukan

- 1) Al-Quran Dan Terjemahan
- 2) Sunan Tirmizi
- 3) *Mausuah al Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah*
- 4) *Al-Asyhbah Wa Al-Nazair*